

Sunshine September kumpul dana autism



PROGRAM Sunshine September menyasarkan mengumpul dana sebanyak RM10,000 untuk NASOM.

DALAM usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap golongan autisme di negara ini, Kumpulan Suria KLCC telah melancarkan program Sunshine September 2015 di pusat beli-belah Suria KLCC baru-baru ini.

Selain itu, ia bertujuan untuk mengumpul dana bagi Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM)

Autisme adalah kecacatan yang biasanya melibatkan pelbagai masalah dalam pembelajaran, komunikasi dan sosialisasi.

Genap enam tahun selepas dimulakan pada September 2010, misi program Sunshine September memberi peluang kepada kanak-kanak autistik daripada NASOM untuk menyerahkan bakat mereka sambil mengumpul dana dengan pelbagai cara.

Hadir pada majlis pelancaran tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn. Bhd., Andrew Brien dan Pengerusi NASOM, Bistaman Siru Abdul Rahman.

Turut hadir, selebriti-selebriti seperti Deborah Henry, Daphne Iking dan Adibah Noor.

Menurut Andrew, Kumpulan Suria KLCC turut bekerjasama dengan stesen radio, Lite FM.

“Kolaborasi ini bukan sahaja untuk menyebarkan kesedaran tentang autisme tetapi memperkenalkan bakat remaja autistik, Umar Hasfizal yang boleh menyanyi dan mempunyai video rakaman lagu.

“Video rakaman tersebut boleh ditonton di laman Facebook Lite FM sehingga 30 September ini.

“Kami ingin menyeru orang ramai untuk menyokong program ini dengan menekan butang like untuk video tersebut. Untuk setiap like, Kumpulan Suria KLCC akan menderma RM1 kepada NASOM melalui program Sunshine September.

“Kami menyasarkan mendapat 10,000 like, sekali gus menderma sebanyak RM10,000 untuk NASOM,” katanya.

Tambahnya, NASOM memerlukan dana daripada pihak individu dan korporat untuk meneruskan usaha membantu golongan autistik.

Sepanjang enam tahun lalu, Kumpulan Suria KLCC berjaya mengumpul lebih RM1.4 juta untuk NASOM dengan sokongan rakan-rakan perniagaan dan orang ramai.

Dana yang terkumpul telah digunakan untuk program-program pendidikan individu autistik antaranya, program persekolahan arus perdana, program intervensi awal dan program intensif intervensi awal.

Para pengunjung boleh menyertai aktiviti antaranya permainan yang menyeronokkan di pusat beli-belah Suria KLCC, Alamanda dan Mesra Mall.

Selain itu, mereka boleh menderma dengan membeli kemeja, set alat tulis, set sudu dan garpu serta hasil seni oleh kanak-kanak NASOM sehingga 30 September ini.